

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG  
(BAGAN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 13.11.2017**

**Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada pelaburan Amerika Syarikat akan terjejas dan menjadi lembap ekoran isu-isu berkaitan kaedah tukaran 75% kutipan daripada hasil jualan kepada luar negara kepada Ringgit Malaysia (RM) 'withholding tax', cadangan mengecualikan cukai untuk e-commerce dan kaedah baru untuk pensijilan halal bagi semua syarikat kelengkapan perubatan (medical devices).

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

- 1) Kedudukan akaun semasa Malaysia sentiasa berada dalam

keadaan lebih. Walau bagaimanapun, hanya 1% daripada lebih dagangan berbentuk eksport barangan untuk tempoh 2011 sehingga 2015 ditukarkan kepada ringgit. Keadaan ini menyebabkan Malaysia tidak mendapat manfaat sepatutnya daripada lebih dagangan tersebut. Sebaliknya, Malaysia terkesan dengan aliran potfolio tidak menentu yang mengakibatkan kadar pertukaran ringgit terdedah kepada sentimen dan aliran dana spekulatif.

2) Untuk menangani keadaan ini, Bank Negara Malaysia (BNM) membenarkan pengeksport untuk mengekalkan sehingga 25% daripada perolehan eksport dalam mata wang asing dan menukar semula perolehan tersebut kepada mata wang asing berdasarkan keperluan perniagaan masing-masing.

3) Peraturan ini bertujuan untuk menstabilkan nilai mata wang ringgit serta membangunkan pasaran pertukaran asing tempatan. Peraturan ini juga tidak menjejaskan kebolehan syarikat-syarikat pengeksport pemastautin, termasuk syarikat-syarikat Amerika Syarikat di Malaysia kerana ia tidak menghalang pengeksport untuk memenuhi keperluan mata wang asing masing-masing. Bagi memastikan tiada sebarang kos tambahan, semua pengeksport boleh menukar semula secara serentak hasil eksport pada kadar sama bagi memenuhi obligasi pembayaran import dan obligasi mata wang asing masing-masing sehingga 6 bulan.

4) Memandangkan peraturan BNM tersebut tidak menjejaskan

keupayaan pengeksport, ia tidak memberi impak negatif terhadap kemasukan pelaburan asing ke Malaysia. Ini dapat dilihat daripada pertumbuhan pelaburan langsung asing (*FDI*) daripada syarikat-syarikat Amerika Syarikat sebanyak 3% daripada suku kedua 2016 ke suku kedua 2017. Peraturan ini sebaliknya telah mewujudkan persekitaran kewangan yang lebih kondusif kepada semua pihak melalui:-

- i. Kos pertukaran mata wang asing yang lebih rendah dengan asaspurata *spread bid-ask* USD/MYR telah mengecil kepada 37 mata pada Jun 2017 berbanding 65 mata pada November 2016;
- ii. Kadar ringgit yang lebih stabil dengan julat turun naik pergerakan antara hari (*intraday*) nilai ringgit berbanding USD yang lebih rendah pada 79 mata pada Jun 2017 berbanding 219 mata pada November 2016; dan
- iii. Terma pinjaman yang lebih baik berdasarkan penyebaran kredit (*credit spread*) yang lebih rendah pada kadar 88 mata pada Jun 2017 berbanding 151 mata pada November 2016.

5) Berhubung isu cukai pegangan (*withholding tax*) ini pula, Kerajaan telah memutuskan untuk mengecualikan cukai pegangan yang dikenakan ke atas bukan pemastautin bagi pendapatan-

pendapatan kelas khas yang dilakukan dari luar negara mulai 6 September 2017. Suatu perundangan subsidiari telah diwartakan pada 24 Oktober 2017 yang lalu.

Tuan Yang Di-Pertua,

6) Ekosistem *e-commerce* di Malaysia masih baru dan Kementerian Kewangan bersama Bank Dunia (*World Bank*) sedang menjalankan kajian bagi layanan percukaian yang bersesuaian bagi persekitaran *e-commerce* di Malaysia. Negara luar dan badan percukaian antarabangsa seperti *Organisation For Economic Cooperation And Development* (OECD) juga sedang mengkaji langkah percukaian ke atas struktur *e-commerce* yang bersesuaian untuk dilaksanakan. Sehubungan itu, bagi cadangan untuk mengecualikan cukai-cukai yang terlibat atau memberikan insentif cukai yang berkaitan hanya boleh dirangka setelah layanan cukai ke atas ekosistem *e-commerce* ini telah dimuktamadkan.

7) Selain itu juga, Kerajaan telah mewujudkan *National E-Commerce Strategic Roadmap (ESR)* dengan tujuan untuk menggandakan sumbangan *e-commerce* kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) daripada 10.8 peratus kepada 20.8 peratus menjelang tahun 2020.

8) Sebelum ini, tiada kaedah sedia ada bagi pensijilan halal bagi

peranti perubatan. Pada masa ini, Jabatan Standard Malaysia sedang membangunkan draf Malaysian Standard (MS) Halal Medical Device - General Requirements bersama Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA), Agensi Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (NPRA) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Draf MS ini kini dalam fasa konsultasi bersama pihak berkepentingan termasuk pihak industri. Pensijilan halal ini dijangka akan dimuktamadkan pada tahun 2018.